

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**  
**[ SEKIJANG ]**  
**TARIKH : 10.11.2016 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 15**

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan dan rakyat menerusi Pelan Induk Perusahaan Kecil Sederhana 2012-2020 setakat hari ini dan apakah jangkaan hasil akhir pelan ini apabila tamat pada tahun 2020 kelak.**

### **Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Induk PKS yang diperkenalkan pada tahun 2012 secara keseluruhannya menyarankan 32 inisiatif termasuk enam Program Berimpak Tinggi (*High Impact Programme (HIP)*) merangkumi antaranya bidang inovasi, pembiayaan, pengantarabangsaan dan fasilitasi perniagaan.
2. Sehingga kini lima (5) Program Berimpak Tinggi (HIP) sedang dilaksanakan:

- **HIP 1** iaitu inisiatif untuk mewujudkan satu gerbang tunggal bagi pendaftaran dan pelesenan perniagaan, yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), sedang dilaksanakan secara berperingkat. Kini satu portal informasi, Portal MalaysiaBiz (<http://malaysiabiz.mampu.gov.my>) telah dibangunkan di mana maklumat pendaftaran perniagaan dan pelesenan bagi Semenanjung Malaysia boleh diakses secara dalam talian. Maklumat pelesenan bagi Sabah dan Sarawak sedang dimuat naik di dalam portal dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Bagi permohonan untuk pendaftaran perniagaan dan pelesenan, ianya boleh dilakukan secara dalam talian melalui Gerbang Digital Kerajaan (*myGovernment Online Services Portal, MOSP*) bermula November 2016. Memandangkan ini merupakan projek besar, integrasi keseluruhan perkhidmatan dalam talian akan dilakukan secara berperingkat berdasarkan tahap ketersediaan sistem di agensi permohonan pendaftaran dan pelesenan;
- bagi Platform Pengkomersilan Teknologi (TCP) iaitu **HIP 2** yang dilaksanakan oleh PlatCOM Ventures Sdn. Bhd. pula, sejumlah 14 inovasi telah berjaya dikomersilkan. Sehingga Oktober 2016, program tersebut telah menyaring lebih daripada 776 projek inovasi dan daripada jumlah itu, 110 telah diluluskan dan sejumlah 112 lesen perjanjian telah ditandatangani;

- satu lagi program inovasi iaitu Inovasi Inklusif, **HIP 6** yang dilaksanakan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah selesai membangunkan 3 inovasi dari akar umbi untuk pengkomersilan, manakala sejumlah 11 projek lagi kini sedang dalam proses pembangunan;
- sementara itu, 82 PKS telah meraih manfaat dengan menyertai Program *Going Export*, **HIP 4** yang diuruskan oleh MATRADE bagi mengantara bangsakan PKS yang sedia untuk mengeksport; dan
- bagi segmen BioNext di bawah Program Pemangkin, **HIP 5**, sebanyak 10 syarikat telah melaksanakan pelan tindakan yang direka secara khusus bagi membantu mereka untuk menjadi syarikat berpertumbuhan tinggi. Tumpuan bagi tahun 2016 adalah bagi segmen aeroangkasa dan peranti perubatan.

3. Pelaksanaan program berimpak tinggi ini dan langkah sokongan lain akan memberi sumbangan besar kepada matlamat pembangunan PKS iaitu meningkatkan produktiviti PKS, meningkatkan pembentukan perniagaan, menambah bilangan firma berpertumbuhan tinggi dan berinovasi dan meningkatkan penformalan perniagaan. Sasaran akhir Pelan Induk PKS menjelang tahun 2020 adalah untuk mencapai sumbangan PKS kepada KDNK sebanyak 41%, guna tenaga sebanyak 65% dan eksport PKS sebanyak 23%.